

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR
@ YUSRE BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : **23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keadaan pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar Orang Asli dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bagaimana Kementerian memastikan anak-anak Orang Asli meneruskan pembelajaran ke sekolah selepas membuka semula sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hanya terdapat sebilangan kecil sahaja masyarakat Orang Asli yang meneruskan pembelajaran dalam tempoh Perintah kawalan pergerakan (PKP) khususnya bagi pelajar yang tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar. Keadaan ini berlaku kerana terdapat kawasan penempatan Orang Asli masih lagi dikategorikan sebagai kawasan pedalaman yang mempunyai limitasi akses internet yang sangat terhad. Walaubagaimanapun Batin dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Orang Asli adalah turut membantu pihak sekolah dalam proses pembelajaran dan pengajaran mengikut SOP yang telah ditetapkan.

NO. SOALAN : 14

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pihak Kementerian melalui JAKOA telah membuat persediaan kepada pelajar-pelajar Orang Asli bagi memastikan mereka meneruskan sesi persekolahan pasca COVID-19 melalui :

- i. menyediakan bantuan perkhidmatan bas bagi mengangkut murid murid Orang Asli ke sekolah ;
- ii. memberikan bantuan wang saku kepada murid-murid Orang Asli yang hadir ke sekolah ;
- iii. menyediakan keperluan diri bagi murid-murid Orang Asli yang tinggal di asrama ;
- iv. bersama dengan pihak sekolah bagi membuat lawatan atau ziarah ke beberapa rumah waris / penjaga bagi memujuk anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah ;
- v. JAKOA kerjasama dengan pihak ICT Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi mengenalpasti plot kawasan capaian akses internet dan peralatan ICT mengikut penempatan Kampung Orang Asli (KOA) ; dan
- vi. JAKOA akan mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mendapatkan kerjasama strategik yang komprehensif dari aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengajaran dan pembelajaran alternatif(PdPa), pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).